 - allow any other person to use the Credit Card and PIN;
 - please inform the Bank immediately after you receive a short message service (SMS) transaction alert and that transaction was not authorised by you.

If you fail to abide by the terms and conditions of the credit card, the Bank has the right to terminate your Card.

4. Other Key Terms

- It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondence and communications reach you in a timely manner.
- You are to read, understand and comply with the general Terms and Conditions available at www.ambank.com.my.
- You are to understand that failure to make timely repayments on your card balances may result in legal action being taken against you
- Your Card will be automatically enrolled into Automatic Balance Conversion (ABC) programme that convert Credit Card balances into instalment payment plan when your Credit Card statement balances meet the criteria. For more details kindly visit www.ambank.com.my

If you have any questions or require assistance on your Credit Card, you can:



Call us at:
03 - 2178 8888



Visit us at:
<https://www.ambank.com.my>



E-mail us at:
customercare@ambankgroup.com

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK**Pelanggan yang dihormati,**

Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Kredit AmBank. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.



Date: 1 Julai 2026

1. Apakah Kad Kredit AmBank Mastercard / UnionPay / Visa?

Kad ini merupakan Kad Kredit AmBank Mastercard / UnionPay / Visa dengan kemudahan kredit yang kami berikan kepada anda terutamanya untuk tujuan pembayaran barangan dan perkhidmatan. Kad ini juga boleh digunakan untuk pengeluaran tunai melalui Kemudahan Pendahuluan Tunai (Cash Advance) di mesin ATM. Bagi sebarang jumlah kredit yang anda gunakan yang belum dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran yang ditetapkan, jumlah belum jelas itu akan dikenakan caj kewangan.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

- Bayaran Bulanan Minimum**

- 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* (jika ada);
*baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika ada) + caj dan fi kewangan (jika ada)
- Cukai atau 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada);
- 100% Ansuran Bulanan (jika ada) (termasuk ansuran bulanan untuk Tukaran Baki Automatik, Pemindahan Baki, QuickCash, Pelan Pembayaran Flexi, Pelan Pembayaran Mudah dan pelan-pelan ansuran lain yang ada dari semasa ke semasa);
- 100% amaun lewat bayar (jika ada);
- 100% untuk semua amaun yang melebihi had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan) ATAU Minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

- Tempoh Pengecualian Faedah Caj Kewangan (Tidak terpakai untuk Pendahuluan Tunai, transaksi QuickCash dan Caj Pembayaran Lewat)**

20 hari dari tarikh penyata, selagi tiada baki belum jelas dalam akaun Kad Kredit. Sekiranya anda tidak membayar sepenuhnya dan tepat pada masanya, caj kewangan akan dikenakan ke atas urusan runcit dan akan dikira dari tarikh urusan dikeluarkan.

Nota: Sebagai ahli kad utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dibuat oleh ahli kad tambahan.

ia adalah tanggungjawab anda untuk :



Baca dan fahami **terma-terma utama dalam Terma & Syarat** sebelum anda menandatangani.



Buat bayaran balik bulanan minimum sekurang-kurangnya pada atau sebelum tarikh akhir bayaran.



Hubungi kami dengan segera sebaik sahaja anda menyedari kehilangan atau penggunaan kad anda tanpa kebenaran.

- Yuran Tahunan**

Jenis Kad	Kad Utama	Kad Tambahan
AmBank BonusLink Visa Gold ¹	RM225.00	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat.
AmBank BonusLink Visa Platinum ¹	RM90.00	
AmBank BonusLink Visa Signature ¹	RM550.00	
AmBank M-Gold ¹	RM7.00	
AmBank M- Platinum ¹	RM21.00	
AmBank M- Signature ¹	RM550.00	
AmBank Enrich Visa Infinite Card ²	RM500.00	
AmBank UnionPay Platinum ³	RM450.00	
AmBank Enrich Visa Platinum Card	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat.	
AmBank Cash Rebate Card		
AmBank True, AmBank Carz Gold, AmBank Cosway Gold, AmBank Gold		
All Other AmBank Credit Cards		

¹Yuran tahunan akan dikecualikan untuk dua tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, yuran tahunan akan dikecualikan dengan perbelanjaan minima 12 transaksi setahun.

²Yuran tahunan akan dikecualikan setelah memenuhi Jumlah Perbelanjaan Tahunan* berikut:

Jumlah Perbelanjaan Tahunan*	Pengecualian Yuran Tahunan
RM50,000.00 – RM99,999.99	50%
RM100,000.00 & ke atas	100%

*Jumlah Perbelanjaan Tahunan = Perbelanjaan runcit terkumpul 12 bulan sebelum tarikh fi tahunan kad terpakai pada gabungan jumlah perbelanjaan kedua-dua kad utama dan tambahan.

³Yuran tahunan akan dikecualikan untuk tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, yuran tahunan akan dikecualikan dengan perbelanjaan minima RM20,000 setahun.

- Cukai Perkhidmatan Kad Kredit:** RM25 bagi setiap Kad setiap tahun (Kad Utama dan Kad Tambahan)
- Yuran Pendahuluan Tunai:** Yuran Pendahuluan Tunai sekali dikenakan sebanyak 1.3% daripada jumlah yang dikeluarkan ditambah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan sebanyak 8% akan dikenakan kepada akaun Kad Kredit bagi setiap urusan Pendahuluan Tunai yang dibuat
- Caj Lebihan Had:** Yuran tetap lebihan had sebanyak RM6 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8%.
- Yuran Penggantian Kad:** RM12 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% bagi setiap Kad.
- Penukaran Mata Wang Bagi Urusniaga Luar Negara:** Bagi semua Kad Kredit AmBank (kecuali Kad TRUE by AmBank Visa, AmBank BonusLink Visa dan Kad AmBank-M): Urusniaga di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh urusan diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian mengikut turun-naik pasaran. Kadar tukaran ditentukan oleh Mastercard International, UnionPay International atau Visa International serta tambahan penukaran 1% tukaran mata wang asing (dahulunya dikenali sebagai kos pentadbiran) oleh AmBank ke atas jumlah Ringgit Malaysia yang ditukar.
- Yuran Penyata Bulanan:** Salinan penyata dihantar kepada alamat surat-menyurat: RM24.00 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% setiap setahun
- Yuran Permintaan Salinan Penyata:** RM5.00 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% bagi setiap salinan.

• **Caj Kewangan untuk Pembelian untuk semua kad (kecuali Kad TRUE by AmBank Visa)***

- 1.25% sebulan atau 15% setahun jika anda telah menjelaskan jumlah minimum perlu dibayar tepat pada masanya untuk tempoh 12 bulan berturut-turut.
- 1.42% sebulan atau 17% setahun jika anda telah menjelaskan jumlah minimum perlu dibayar tepat pada masanya untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan.
- 1.5% sebulan atau 18% setahun jika rekod bayaran anda tidak seperti (a) atau (b) di atas.

Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi transaksi runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan yang lepas.

• **Caj Kewangan untuk Pembelian Kad TRUE by AmBank Visa***

- Caj kewangan untuk Tahun Pertama ialah 7.99% setahun bagi semua Pemegang Kad.
- Caj kewangan untuk Tahun Kedua dan seterusnya ialah 1% sebulan atau 12% setahun sekiranya anda telah menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan; atau
- Caj kewangan untuk Tahun Kedua dan seterusnya ialah 1.5% sebulan atau 18% setahun sekiranya anda tidak menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya di bulan sebelumnya.

*Nota: Caj-caj terpakai untuk semua kecuali Pendahuluan Tunai, Program QuickCash dan Caj Bayaran Lewat.

• **Caj Kewangan untuk Pendahuluan Tunai**

Tambahan pada Yuran Pendahuluan Tunai, caj kewangan pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun yang dikira atas dasar baki harian akan dikenakan pada Amaun Pendahuluan Tunai dari Tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga bayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam akaun Kad Kredit.

• **Caj Kewangan untuk Pindahan Baki (setelah tamat Tempoh Kadar Faedah Istimewa)**

Caj kewangan seperti Caj Kewangan Berperingkat yang dikira atas dasar baki harian ke atas urusan pemindahan baki dari tamat Tempoh Kadar Faedah Istimewa akan dikenakan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit.

• **Caj Kewangan untuk QuickCash**

Caj kewangan pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun yang dikira atas dasar baki harian akan dikenakan ke atas ansuran bulanan QuickCash dari tarikh ansuran bulanan QuickCash dibilkan sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Kad Akaun.

3. Ketahui Risiko Anda

• **Caj Lewat Bayar**

1% daripada baki tertunggak yang perlu dibayar atau sekurang-kurangnya RM10; yang mana lebih tinggi, sehingga maksimum RM100.

• **Hak untuk Tolak Selesai**

Kami berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan di AmBank (M) Berhad dan/atau AmBank Islamic Berhad bagi sebarang baki tertunggak dalam akaun Kad Kredit ini dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis terlebih dahulu.

Kami berhak melantik ejen luar untuk mengutip hutang yang perlu dibayar kepada kami dan menjual hutang anda kepada pihak ketiga.

• **Liabiliti untuk Transaksi Tidak Dibenarkan**

Anda akan bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:

- melakukan penipuan; atau
- gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- secara sukarela mendedahkan PIN anda kepada orang lain; atau
- mencatatkan PIN anda pada Kad Kredit atau pada apa jua berdekatan Kad Kredit anda.

Anda akan bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan Kad dengan ciri sentuh, jika anda:

- melakukan penipuan; atau
- gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- meninggalkan Kad Kredit atau item yang mengandungi Kad Kredit anda tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain, atau
- sukarela membenarkan individu lain menggunakan Kad Kredit anda.

• **Obligasi Lain**

Anda perlu memastikan:

- Kad Kredit dan PIN anda disimpan rapi pada setiap masa;
- Jangan:
 - dedahkan butiran Kad Kredit atau PIN anda kepada orang lain;
 - tulis PIN pada Kad Kredit, atau pada apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit;
 - gunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor hubungan ;
 - membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit dan PIN;
- sila maklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja anda menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) makluman urusan niaga dan urusan niaga tersebut tidak dibenarkan oleh anda.

Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.

4. Terma Utama Lain

- Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dan komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Anda dikehendaki untuk membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat am yang terdapat di www.ambank.com.my.
- Anda hendaklah memahami bahawa kegagalan membuat pembayaran balik tepat pada masanya bagi baki kad anda boleh mengakibatkan tindakan undang-undang diambil terhadap anda.
- Kad anda akan didaftarkan secara automatik ke dalam program Penukaran Baki Automatik (ABC) di mana baki Kad Kredit anda akan ditukar kepada pelan bayaran ansuran apabila baki penyata Kad Kredit anda memenuhi kriteria yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ambank.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Kredit anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03 - 2178 8888



Layari laman sesawang kami:
<https://www.ambank.com.my>



E-mel kami di:
customercare@ambankgroup.com

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) will provide you with key information about your Credit Card-i. Other customers have read this PDS and found it very helpful. Therefore, you should also read it to gain a better understanding of this product.



AmBank Islamic

Date: 1 July 2026

1. What is AmBank Islamic Mastercard / Visa Credit Card?

This is an AmBank Islamic Mastercard/Visa Credit Card-i ("Credit Card-i"), a Shariah compliant payment instrument with a credit limit granted by us to you which allows you to pay for goods and services obtained from participating merchants. This card can also be used to withdraw cash via Cash Advance from an ATM facility. Where any amount of the credit utilised by you has not been settled in full on or before the due date, the unsettled amount will be subject to profit rate.

The underlying Shariah principles for this Credit Card-i are *Tawarruq*, *Murabahah*, *Wa'd* and *Wakalah*.

Tawarruq refers to a structure involving two sale and purchase contracts, where the first contract involves the sale of an asset to a purchaser on a deferred basis and the second contract involves the subsequent sale of the same asset by that purchaser to a third party on a cash and spot basis.

Murabahah refers to a sale and purchase of an asset, in which the acquisition cost and the profit or mark-up are disclosed to the purchaser.

Wa'd means a unilateral promise or undertaking which refers to an expression of commitment given by one party to another to perform certain actions in the future according to agreed conditions.

Wakalah refers to a contract in which a party as principal (*muwakkil*) authorizes another party as agent (*wakil*) to perform a particular task in matters that may be delegated, with or without the imposition of fee. In this product, you will appoint the bank as an unrestricted agent to perform *tawarruq* arrangement. AmBank Islamic Berhad ("the Bank") will purchase Shariah compliant commodities such as crude palm oil (the "Commodities") from commodity seller(s). The Bank will then sell the Commodities to you as the cardholder on the basis of *Murabahah* at the Bank's selling price (which comprises the acquisition cost of the Commodities plus the profit of the Bank), which must be paid by you to the Bank by way of instalments on a deferred basis. Subsequently, the Bank, acting as an agent for you, will sell the Commodities to third-party purchaser(s) at cost and on a spot basis. The proceeds from such sale will constitute the credit limit for utilisation by you as the cardholder.

The usage of Credit Card-i is restricted at the Merchant Category Codes (MCC) as listed below:

No	MCC	Description
1	5921	Package Stores, Beer, Wine, Liquor
2	7995	Betting
3	7800	Government Regulated Online Lotteries
4	7801	Government Licensed Casino
5	7802	Government Licensed (Horse/Dog Racing)
6	7273	Online Dating Services, Dating and Escort Services
7	5993	Cigar Stores and Stands
8	9406	Government Owned Lottery (Specific Countries)

2. Know Your Obligations

• Minimum Monthly Repayment

- 5% of total *outstanding balance (if any);
*outstanding balance refers to retail transactions (if any) + Cash Advance (if any) + Profit and other fees (if any)
- 100% Card Service Tax and Tax (if any);
- 100% Monthly Instalments (if any) (including monthly instalments for Auto Balance Conversion, Balance Transfer, Quick Cash, Flexi Payment Plan, Easy Payment Plan and other instalment plans available from time to time);
- 100% past due amount (if any)
- 100% of any over-limit amount (refers to the amount which exceeds the prescribed Credit Limit or the assigned Credit Limit) **OR** minimum of RM50, whichever is higher.

• Profit Rate Free Period

(Not Applicable to Cash Advance and QuickCash transactions)

Twenty (20) calendar days from the statement date, provided there is no outstanding balance in the Credit Card-i account. If you do not pay in full and on time, the profit on retail transactions will be calculated from the posting date of the transaction

Note: As the principal cardholder, you are liable for all transactions incurred by the Supplementary Cardholders

It is your responsibility to:



Read and understand the **key terms** in the **Terms & Conditions** before you sign



Pay at least the minimum monthly repayment amount by due date.



Contact us immediately, after having discovered the loss or unauthorised use of your card.

- Annual Fee:** Free For Life with no conditions for both Principal Card and Supplementary Card
- Credit Card Service Tax:** RM25 per card per year (Principal and Supplementary Card)
- Cash Advance Fee:** A fixed cash advance fee of RM16 plus the applicable Sales and Service Tax (SST) of 8%, will be imposed for each cash advance transaction.
- Excess Limit Charge:** Fixed excess limit fee of RM6 plus the applicable SST of 8%.
- Card Replacement Fee:** RM12 plus the applicable SST of 8% per Card.
- Overseas Transaction Conversion Fee:** Transactions outside Malaysia will be converted to Ringgit Malaysia on the date the item is received and/or processed. The exchange rate may differ from the published daily rate due to market fluctuation. The conversion rate is as determined by Mastercard International or Visa International plus a 1% foreign exchange conversion markup (previously known as administration cost) by the Bank on the converted Ringgit Malaysia amount.
- Monthly Statement Fee:** Hardcopy statement delivered to mailing address: RM24.00 plus the applicable SST of 8% per annum.
- Additional Statement Request Fee:** RM5.00 plus the applicable SST of 8% per copy.

• Credit Limit / Had Kredit

- Approximately 3 times your monthly income; or
- Up to 2 times your monthly income if your income is RM36,000 per annum or less.

• Tiered Profit Rates

For all AmBank Islamic Credit Card-i*

- 1.25% per month or 15% per annum if you have promptly settled your Minimum Monthly Payment for 12 consecutive months.

- b) 1.42% per month or 17% per annum if you have promptly settled your Minimum Monthly Payment for at least 10 months in a 12-month cycle.
- c) 1.5% per month or 18% per annum if your payment record is not within either (a) or (b) above.

To enjoy a lower profit rate for retail transactions, you should make at least 10 prompt payments in the last 12 months.

*Note: The Tiered Profit Rates do not apply to Cash Advance and QuickCash programmes.

• **Profit Rate for Cash Advance**

In addition to the Cash Advance Fee, a profit rate of 1.5% per month or 18% per annum calculated on a daily rest basis shall be imposed on the Cash Advance Amount from the date the Cash Advance is made until full payment is received and credited into the Credit Card-i account.

• **Profit Rate for Balance Transfer (after the expiry of the Special Profit Rate Term)**

Profit as per the Tiered Profit Rates calculated on a daily rest basis on balance transfer transactions from the expiry of the Special Profit Rate Term will be chargeable until full payment is received and credited into the Credit Card-i account.

• **Profit Rate for Quick Cash**

A profit rate of 1.5% per month or 18% per annum is calculated on a daily rest basis and shall be imposed on the QuickCash monthly instalment from the date the QuickCash monthly instalment is billed until full payment is received and credited into the Credit Card-i Account.

• **Rebate (Ibra')**

The cardholder is entitled to a rebate on the total profit for the unutilised credit limit.

3. Know Your Risks

• **Late Payment**

1% of the balance outstanding due or up to a maximum of RM100.

• **Right to Set-Off**

We have the right to set-off any credit balance in your account maintained with AmBank (M) Berhad and/or AmBank Islamic Berhad against any outstanding balance in this Credit Card account by giving you seven (7) calendar days prior notice in advance. We have the right to appoint external agents to collect debts due to us and to sell your debt owing to us to a third party.

• **Liability for Unauthorized Transactions**

You will be liable for PIN-based unauthorized transactions if you have:

- i. acted fraudulently; or
- ii. delayed in notifying us within fourteen (14) calendar days after having discovered the loss or unauthorized use of your Credit Card; or
- iii. voluntarily disclosed your PIN to another person; or
- iv. recorded your PIN on the Credit Card or on anything kept in close proximity with your Credit Card.

You will be liable for unauthorized transactions which require signature verification or with a contactless Card if you have:

- v. acted fraudulently; or
- vi. delayed in notifying us within fourteen (14) calendar days after having discovered the loss or unauthorized use of your Credit Card; or
- vii. left your Credit Card or item containing your credit card unattended in places visible and accessible to others; or
- viii. voluntarily allowed another person to use your Credit Card.

• **Other Obligations**

You are required to:

- i. keep your Credit Card and PIN secure at all times;
- ii. do not:
 - a. reveal your Credit Card details or PIN to any other person;
 - b. write down the PIN on the Credit Card, or on anything kept near the Credit Card;
 - c. use a PIN selected from your birth date, identity card, passport, driving license or contact numbers;
 - d. allow any other person to use the Credit Card and PIN;
- iii. please inform the Bank immediately after you receive a short message service (SMS) transaction alert and that transaction was not authorised by you.

If you fail to abide by the terms and conditions of the credit card, the Bank has the right to terminate your Card.

4. Other Key Terms

- It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondence and communications reach you in a timely manner.
- You are to read, understand and comply with the general Terms and Conditions available at www.ambank.com.my
- You are to understand that failure to make timely repayments on your card balances may result in legal action being taken against you.
- Your Card will be automatically enrolled into the Automatic Balance Conversion (ABC) programme that converts Credit Card balances into an instalment payment plan when your Credit Card-i statement balances meet the criteria. For more details kindly visit www.ambank.com.my

If you have any questions or require assistance on your Credit Card-i, you can:



Call us at:
03 - 2178 8888



Visit us at:
<https://www.ambank.com.my>



E-mail us at:
customercare@ambankgroup.com

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK**Pelanggan yang dihormati,**

Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Kredit-i AmBank. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.



AmBank Islamic

Date: 1 Julai 2026

1. Apakah Kad Kredit AmBank Islamic Mastercard / Visa?

Kad ini merupakan Kad Kredit AmBank Islamic Mastercard / Visa ("Kad Kredit-") dengan kemudahan kredit yang kami berikan kepada anda terutamanya untuk tujuan pembayaran barangan dan perkhidmatan. Kad ini juga boleh digunakan untuk pengeluaran tunai melalui Kemudahan Pendahuluan Tunai (Cash Advance) di mesin ATM. Bagi sebarang jumlah kredit yang anda gunakan yang belum dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh matang bayaran yang ditetapkan, jumlah belum jelas itu akan dikenakan caj kewangan.

Kad Kredit-i ini adalah berasaskan kepada Prinsip Syariah *Tawarruq*, *Murabahah*, *Wa'd* and *Wakalah*.

Tawarruq merujuk kepada sebuah struktur yang melibatkan dua kontrak jual beli, di mana kontrak pertama melibatkan penjualan sesuatu aset kepada pembeli secara tertunda, dan kontrak kedua melibatkan penjualan berikutnya aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.

Murabahah merujuk kepada penjualan dan pembelian aset di mana kos pemerolehan dan keuntungan atau penambahan didedahkan kepada pembeli.

Wa'd bermaksud janji sebelah pihak atau akujanji yang merujuk kepada ungkapan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa akan datang.

Wakalah ialah kontrak di mana satu pihak sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang satu lagi sebagai agen (wakil) untuk melaksanakan sesuatu tugas yang diwakilkan sama ada dikenakan yuran atau tidak. Menurut produk ini, pihak bank akan menjadi wakil mutlak anda bagi melaksanakan aturan tawarruq.

AmBank Islamic Berhad ("Bank") akan membeli komoditi patuh Syariah seperti minyak sawit mentah ("Komoditi") daripada penjual komoditi. Pihak Bank kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada anda sebagai pemegang kad berdasarkan *Murabahah* pada harga jualan Bank (yang merangkumi kos pemerolehan Komoditi ditambah keuntungan pihak Bank), yang perlu dibayar oleh anda kepada pihak Bank secara ansuran dan tertunda. Selepas itu, pihak Bank, bertindak sebagai ejen kepada anda akan menjual Komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga pada kos dan secara serta merta. Hasil daripada jualan tersebut akan membentuk had kredit untuk digunakan oleh anda sebagai pemegang kad.

Penggunaan Kad Kredit-i adalah dilarang di Kod Kategori Saudagar (MCC) yang tersenarai di bawah:

No	MCC	Perjelasan
1	5921	Kedai Minuman Keras, Bir atau Wain
2	7995	Pertaruhan
3	7800	Loteri Dalam Talian yang Dikawal Selia Kerajaan
4	7801	Kasino Berlesen Kerajaan
5	7802	Lesen Kerajaan (Perlumbaan Kuda/Anjing)
6	7273	Perkhidmatan Cari Jodoh dalam Talian, Pencarian Jodoh
7	5993	Kedai dan Gerai Cerut
8	9406	Loteri Milik Kerajaan (Negara Tertentu)

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

• Bayaran Bulanan Minimum

- 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* (jika ada);
*baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika ada) + caj dan fi kewangan (jika ada)
 - Cukai atau 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada);
 - 100% Ansuran Bulanan (jika ada) (termasuk ansuran bulanan untuk Tukaran Baki Automatik, Pemindahan Baki, QuickCash, Pelan Pembayaran Flexi, Pelan Pembayaran Mudah dan pelan-pelan ansuran lain yang ada dari semasa ke semasa);
 - 100% amaun lewat bayar (jika ada);
 - 100% untuk semua amaun yang terlebih had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan)
- ATAU Minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

• Tempoh Tanpa Kadar Keuntungan (Tidak terpakai untuk Pendahuluan Tunai, transaksi QuickCash dan Caj Pembayaran Lewat)

20 hari dari tarikh penyata, selagi tiada baki belum jelas dalam akaun Kad Kredit. Sekiranya anda tidak membayar sepenuhnya dan tepat pada masanya, caj kewangan akan dikenakan ke atas urusniaga runcit dan akan dikira dari tarikh urusniaga dikeluarkan.

Nota: Sebagai ahli kad utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dibuat oleh ahli kad tambahan.

la adalah tanggungjawab anda untuk :



Baca dan fahami **terma-terma utama dalam Terma & Syarat** sebelum anda menandatangani.



Buat bayaran balik bulanan minimum sekurang-kurangnya pada atau sebelum tarikh akhir bayaran.



Hubungi kami dengan segera sebaik sahaja anda menyedari kehilangan atau penggunaan kad anda tanpa kebenaran.

- Yuran Tahunan:** Percuma Seumur Hidup tanpa syarat untuk Kad Utama dan Kad Tambahan
- Cukai Perkhidmatan Kad Kredit:** RM25 bagi setiap Kad setiap tahun (Kad Utama dan Kad Tambahan)
- Yuran Pendahuluan Tunai:** Yuran tetap sebanyak RM16 ditambah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dikenakan sebanyak 8% akan dikenakan bagi setiap transaksi pendahuluan tunai.
- Caj Lebihan Had:** Yuran tetap lebihan had sebanyak RM6 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8%.
- Yuran Penggantian Kad:** RM12 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% bagi setiap Kad.
- Penukaran Mata Wang Bagi Urusniaga Luar Negara:** Urusniaga di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh urusniaga diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian mengikut turun-naik pasaran. Kadar tukaran ditentukan oleh Mastercard International, UnionPay International atau Visa International serta tambahan penukaran 1% tukaran mata wang asing (dahulunya dikenali sebagai kos pentadbiran) oleh AmBank ke atas jumlah Ringgit Malaysia yang ditukar.
- Yuran Penyata Bulanan:** Salinan penyata dihantar kepada alamat surat-menyurat: RM24.00 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% setiap setahun
- Yuran Permintaan Salinan Penyata:** RM5.00 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% bagi setiap salinan

• **Had Kredit**

- a. Kira-kira 3 kali pendapatan bulanan anda; atau
- b. Tidak lebih dari 2 kali pendapatan bulanan anda sekiranya pendapatan anda adalah RM36,000 setahun atau kurang.

• **Kadar Keuntungan Bertingkat**

Untuk semua Kad Kredit-i AmBank Islamic*

- a. 1.25% sebulan atau 15% setahun jika anda telah menjelaskan Pembayaran Bulanan Minimum tepat pada masanya untuk tempoh 12 bulan berturut-turut.
- b. 1.42% sebulan atau 17% setahun jika anda telah menjelaskan Pembayaran Bulanan Minimum tepat pada masanya untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan.
- c. 1.5% sebulan atau 18% setahun jika rekod bayaran anda tidak seperti (a) atau (b) di atas.

Untuk menikmati kadar keuntungan yang lebih rendah bagi transaksi runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan yang lepas..

*Nota: Kadar Keuntungan Bertingkat tidak diguna pakai bagi Pendahuluan Tunai dan program QuickCash.

• **Kadar Keuntungan untuk Pendahuluan Tunai**

Selain daripada Kadar Keuntungan Tunai, pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun yang dikira atas dasar baki harian akan dikenakan pada Amaun Pendahuluan Tunai dari Tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga bayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam akaun Kad Kredit-i.

• **Kadar Keuntungan untuk Pindahan Baki (setelah tamat Tempoh Kadar Keuntungan Istimewa)**

Kadar Keuntungan berperingkat yang dikira atas dasar baki harian ke atas urusanniaga pemindahan baki dari tamat Tempoh Kadar Keuntungan Pengurusan Istimewa akan dikenakan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit-i.

• **Kadar Keuntungan untuk QuickCash**

Kadar Keuntungan pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun yang dikira atas dasar baki harian akan dikenakan ke atas ansuran bulanan QuickCash dari tarikh ansuran bulanan QuickCash dibilkan sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Kad Kredit-i Akaun.

• **Rebat (Ibra')**

Pemegang Kad adalah layak untuk rebat ke atas jumlah keuntungan untuk had kredit yang tidak digunakan.

3. Ketahui Risiko Anda

• **Caj Lewat Bayar**

1% daripada baki tertunggak yang perlu dibayar sehingga maksimum RM100.

• **Hak untuk Tolak Selesai**

Kami berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan di AmBank (M) Berhad dan/atau AmBank Islamic Berhad bagi sebarang baki tertunggak dalam akaun Kad Kredit ini dengan memberi tujuh (7) hari kalendar notis terlebih dahulu.

Kami berhak melantik ejen luar untuk mengutip hutang yang perlu dibayar kepada kami dan menjual hutang anda kepada pihak ketiga.

• **Liabiliti untuk Transaksi Tidak Dibenarkan**

Anda akan bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:

- i. melakukan penipuan; atau
- ii. gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- iii. secara sukarela mendedahkan PIN anda kepada orang lain; atau
- iv. mencatatkan PIN anda pada Kad Kredit atau pada apa jua berdekatan Kad Kredit anda.

Anda akan bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan Kad dengan ciri sentuh, jika anda:

- i. melakukan penipuan; atau
- ii. gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad Kredit anda tanpa kebenaran; atau
- iii. meninggalkan Kad Kredit atau item yang mengandungi Kad Kredit anda tanpa jagaan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain, atau
- iv. sukarela membenarkan individu lain menggunakan Kad Kredit anda.

• **Obligasi Lain**

Anda perlu memastikan:

- i. Kad Kredit dan PIN anda disimpan rapi pada setiap masa;
- ii. Jangan:
 - a. dedahkan butiran Kad Kredit atau PIN anda kepada orang lain;
 - b. tulis PIN pada Kad Kredit, atau pada apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan Kad Kredit;
 - c. gunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lessen memandu atau nombor hubungan ;
 - d. membenarkan orang lain menggunakan Kad Kredit dan PIN;
- iii. sila maklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja anda menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) makluman urusan niaga dan urusan niaga tersebut tidak dibenarkan oleh anda.

Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Kredit, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.

4. Terma Utama Lain

- Anda perlu memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dan komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Anda dikehendaki untuk membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat am yang terdapat di www.ambank.com.my
- Anda hendaklah memahami bahawa kegagalan membuat pembayaran balik tepat pada masanya bagi baki kad anda boleh mengakibatkan tindakan undang-undang diambil terhadap anda.
- Kad anda akan didaftarkan secara automatik ke dalam program Penukaran Baki Automatik (ABC) di mana baki Kad Kredit-i anda akan ditukar kepada pelan bayaran ansuran apabila baki penyata Kad Kredit-i anda memenuhi kriteria yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ambank.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai Kad Kredit anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03 - 2178 8888



Layari laman sesawang kami:
<https://www.ambank.com.my>



E-mel kami di:
customercare@ambankgroup.com